



BICARA EKSKLUSIF

Luahan hati
Dinsman




wajah
muka 3

Nor Irene
ajak
wanita jaga
penampilan



Misteri Menara
Chimney
di Labuan belum
terungkai



Yang di-Pertuan Agong titah seluruh rakyat tanpa kira darjat laksana tanggungjawab pulihara alam sekitar

Seruan Al-Sultan Abdullah



YANG di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bertitah pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan di Istana Negara, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Gambar - WAZARI WAZIR (Jabatan Penerangan)



KEPENTINGAN memulihara khazanah alam sekitar menarik perhatian Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Sultan Ahmad Shah apabila Seri Paduka baginda menitahkan seluruh rakyat jelata berganding bahu melaksanakan tanggungjawab tersebut.

Seri Paduka bertitah, sebagai khalifah di muka bumi yang berperanan untuk memulihara persekitaran, setiap individu perlu bertanggungjawab dan membudayakan amalan menjaga alam sekitar dengan sebaik-baiknya.

'Maka, saya ingin mengajak setiap lapisan masyarakat tanpa mengira darjat mahupun bangsa dan agama untuk bersatu-padu dalam melestari serta menjaga alam sekitar,' titah Seri Paduka pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019 di Istana Negara, Selasa lalu.

Yang di-Pertuan Agong titahkan rakyat lestari khazanah alam, elak pencemaran

Ganding bahu pulihara alam sekitar

Oleh **NAZWIN NAZRI**
winwilayahku@gmail.com

KUALA LUMPUR - Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Sultan Ahmad Shah melahirkan rasa bangga dengan sembah maklum berkenaan kejayaan projek 'River of Life' (ROL) yang diiktiraf sebagai satu daripada 'World's Top 10 Waterfront Districts' dan inisiatif memulihara warisan alam menerusi projek Taman Tugu.

Sehubungan itu, Seri Paduka baginda menitahkan rakyat negara ini agar bersama-sama berganding bahu memelihara khazanah alam sekitar dan tidak melepaskan tanggungjawab tersebut kepada kerajaan semata-mata.

Seri Paduka bertitah, sebagai khalifah di muka bumi yang berperanan untuk memelihara persekitaran, setiap individu perlu bertanggungjawab dan membudayakan amalan menjaga alam sekitar dengan sebaik-baiknya.

"Mutakhir ini, wujud pelbagai pencemaran dan kerosakan kepada alam sekitar akibat daripada sikap serta kelemahan manusia sendiri. Kita sering kali terlupa bahawa alam sekitar adalah komponen utama yang diperlukan bagi kehidupan yang selesa.

"Maka, saya ingin mengajak setiap lapisan masyarakat tanpa mengira darjat mahupun bangsa dan agama untuk ber-



AL-SULTAN ABDULLAH (kanan) berkenan mengurniakan Darjah Seri Mahkota Wilayah (SMW) kepada Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri, Datuk Jalil Marzuki di Istana Negara, Kuala Lumpur baru-baru ini. Gambar WAZARI WAZIR (Jabatan Penerangan)

satu-padu dalam melestari serta menjaga alam sekitar," titah Al-Sultan Abdullah pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP) kepada 200 penerima sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019 di Istana Negara, Selasa lalu.

Keberangkatan Seri Paduka baginda ke Balairung Seri diiringi Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Almarhum Sultan Iskandar.

Turut hadir Perdana Menteri, Tun Dr.

Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail serta Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad.

Al-Sultan Abdullah menyifatkan sambutan Hari Wilayah Persekutuan ke-15 sebagai membawa pengertian besar malah ia merupakan majlis pertama bagi Seri Paduka baginda selepas dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16 pada 31 Januari lalu.

Yang di-Pertuan Agong turut mela-

hirkan rasa bangga dengan kepesatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang hanya bermula daripada sebuah perkampungan bijih timah dan diterokai sekitar kurun ke-19 sehingga menjadi sebuah ibu kota Metropolitan yang pesat membangun manakala Putrajaya menjadi nadi pentadbiran moden negara dan Labuan dikenali sebagai pusat kewangan di luar pesisir antarabangsa.

"Semoga Kementerian Wilayah Persekutuan dan kerajaan saya di bawah pimpinan memanda Perdana Menteri yang luas pengalaman akan terus memacu peningkatan taraf sosioekonomi rakyat dan melonjakkan nama Wilayah Persekutuan di pelosok dunia," titah Al-Sultan Abdullah.

Dalam pada itu, Yang di-Pertuan Agong bertitah, perpaduan rakyat pelbagai kaum dan agama hendaklah menjadi asas kehidupan bermasyarakat di negara ini dalam mendepani hari-hari mendatang yang mana rakyat jelata bersepakat dan mengelak pertelingkahan.

"Mana mungkin sebuah kapal boleh dikemudi jika awak-awak tidak bersepakat di bawah pimpinan nakhoda. Jika berterusan, lambat-laun kapal tersebut akan tenggelam dipukul ombak. Begitu juga dengan hidup bermasyarakat di dalam sebuah negara. Ini kerana kesepakatan dan perpaduan adalah kunci kepada kejayaan, kemakmuran dan kesejahteraan negara," tegas Seri Paduka baginda.

Bangunkan KL, Putrajaya dan Labuan dengan amanah

KUALA LUMPUR - Kementerian Wilayah Persekutuan tekad untuk terus memacu pembangunan dan menguruskan ketiga-tiga wilayah Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sehingga mampu menjadi contoh ikutan di negeri-negeri lain.

Menterinya, Khalid Abd. Samad berkata, beliau bersama warga kerja kementerian akan berusaha menjaga, membangun dan menguruskan Wilayah Persekutuan dengan penuh amanah, berintegriti dan

bebas rasuah sekali gus mencapai matlamat wawasan yang ditetapkan.

"Tahun lalu menyaksikan kelahiran Malaysia dalam era baharu yang dibenihkan daripada kehendak dan keinginan rakyat untuk melihat sebuah kerajaan yang mendokong setulusnya nilai-nilai murni berteraskan amanah dan integriti.

"Kita juga beriltizam untuk meletakkan diri sebagai pekerja kepada rakyat sekali gus dapat menyemai bakti secara telus

dan mendekati rakyat di samping menjayakan hasrat dan wawasan yang direncanakan sepanjang tahun ini," katanya ketika berucap pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019 di Istana Negara di sini baru-baru ini.

Khalid berkata, tanggungjawab tersebut perlu digalas dalam memastikan imej, kebersihan dan kualiti ketiga-tiga

Wilayah Persekutuan itu dapat dipertingkatkan secara holistik dari semasa ke semasa dan seterusnya menjadi saingan di peringkat global.

Tambah beliau, pertambahan tiga agensi baharu di bawah kementeriannya iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa; Jabatan Landskap Negara dan Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan dilihat dapat menyumbang ke arah kemajuan wawasan berkenaan.



Empat atlet negara dikurniakan pingat

KUALA LUMPUR - Empat atlet negara termasuk atlet akuatik terjun negara Nur Dhabitah Sabri yang juga anak jati Kuala Lumpur merupakan antara 200 dikurniakan pingat daripada Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Sultan Ahmad Shah di Istana Negara di sini baru-baru ini.

Mereka menerima pingat

Ahli Mahkota Wilayah (AMW) pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019.

Nur Dhabitah, 20, mempamerkan pencapaian terbaik dengan mendapat tempat kelima pada Sukan Olimpik sehingga dinobatkan Olahragawati Wilayah Persekutuan 2017.

Selain Nur Dhabitah, tiga lagi atlet iaitu Jabriella Teo Samuel (angkat berat), Muhammad Erry Hidayat (angkat berat) dan Nur Ain Nabilah Tarmizi (boling padang) masing-masing dianugerahkan Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (PPW).

Terdahulu Ketua

Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Datuk Jalil Marzuki men-



NUR DHABITAH

NUR AIN NABILAH

dahului senarai penerima darjah kebesaran tersebut. Beliau merupakan satu-satunya penerima darjah Seri Mahkota Wilayah (SMW) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Profesor Ginekologi dan Pendidikan Perubatan (Pengajaran Klinikal) Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dr. Harlina Halizah Siraj@Ramli yang juga pendakwah

merupakan antara 27 individu dikurniakan Panglima Mahkota Wilayah (PMW) yang membawa gelaran Datuk.

Selain itu, 36 individu dianugerahkan Johan Mahkota Wilayah (JMW), 32 individu menerima anugerah Kesatria Mahkota Wilayah, 36 individu menerima anugerah AMW dan 68 individu menerima PPW.

Nor Irene ajak wanita jaga penampilan

wajah muka 3

Oleh **AZLAN ZAMBRY**
azlanwilayahku@gmail.com

SETIAP wanita memang dianjurkan dengan kecantikan dan jika ingin lebih berkeyakinan tinggi, mereka harus mempunyai penampilan lebih bergaya.

Bagi perunding imej, Nor Irene Halimi, 34, yang pernah berkhidmat sebagai pensyarah universiti menyatakan, golongan Hawa akan mempunyai keyakinan lebih tinggi sewaktu berurusan dan bekerja sekiranya imej dibentuk dengan baik.

"Golongan wanita harus membuang sikap ambil sambil lewa dengan berpakaian dan berpenampilan bersahaja. Sebenarnya tidak salah untuk nampak lebih 'cantik' dalam pertuturan, pemakaian dan penampilan.

"Cara berkomunikasi bersama golongan kenamaan, pemimpin, ketua di tempat kerja dan orang awam juga berbeza kerana terdapat protokol-protokol tertentu yang harus dipatuhi," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Meskipun sudah beranak tiga, Nor Irene yang merupakan Ketua Pegawai Operasi di Noir Health & Beauty Sdn. Bhd. kekal



NOR IRENE HALIMI

penjagaan kulit dan perkara yang melibatkan penampilan diri.

Selain itu, beliau turut gemar menghadiri seminar dan bengkel bagi meluaskan rangkaian perniagaan bersama dengan usahawan-usahawan.

Beliau yang berasal dari Taman Tun Abdul Razak, Ampang menceritakan, sebenarnya kerjayanya bermula dari bawah iaitu guru prasekolah di Tadika Adni Taman Sri Uday, Hulu Klang.

"Bermula dari situ saya mula berminat untuk mengajar dan akhirnya menanam cita-cita untuk menjadi pensyarah.

Cita-cita saya mahu bergelar pensyarah akhirnya tercapai apabila ditawarkan menjadi tenaga pengajar di Kolej Taylor, Petaling Jaya selama lapan tahun sebelum berkhidmat di Universiti Teknologi Mara, Shah Alam selama dua

tahun," katanya yang merupakan bekas pelajar Sekolah Menengah Convent Bukit Nanas, Kuala Lumpur.

Lulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan Girls International University of Johannesburg, Afrika Selatan itu kini melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Pendidikan di Universiti Asia-e, Kuala Lumpur.

Kata Nor Irene, minat di dalam bidang perunding imej bermula sewaktu beliau menjadi pensyarah lagi.

"Ketika itu, saya lihat ramai dalam kalangan pekerja tidak mengenakan pemakaian yang sesuai dan dari situ timbul untuk mempelajari berkenaan dengan bidang perundingan imej.

"Kemudian saya mengambil keputusan mengambil kursus pentauliah sebagai perunding imej profesional," katanya.

Selepas berjaya tamat pentauliah, Nor Irene mula menerima banyak jemputan daripada agensi kerajaan, swasta, pusat pengajian tinggi dan sekolah-sekolah.

"Saya dijemput buat kali pertama di televisyen Al-hijrah pada tahun 2014 dalam slot Imej dan kini menjadi salah seorang daripada panel perunding imej di stesen televisyen tersebut," katanya.

Tidak cukup sekadar ditauliahkan sebagai Certified Professional Image Consultant (CPIC) dan Certified Color Expert, Nor Irene mengikuti beberapa kelas pentauliah kerana ingin memajukan diri antaranya kelas Certified NLP Practitioner (Psychology Brain), Certified Trainer, Certified Beautician Skin and Spa dan juga Certified Speaker.

456 pengawas SK Putrajaya Presint 9(2) terima watiwah pelantikan

Oleh **NAZWIN NAZRI**
winwilayahku@gmail.com

PUTRAJAYA - Seramai 456 pengawas melibatkan enam organisasi di Sekolah Kebangsaan (SK) Putrajaya Presint 9(2) di sini menerima watiwah pelantikan pada Program Permuafakatan Kementerian Pendidikan bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM): Jom Ke Sekolah dan Majlis Watiwah Pelantikan Pengawas 2019.

Program julung-julung kali itu diadakan bagi mewujudkan hubungan mesra serta kerjasama lebih mantap antara pihak sekolah dan pegawai perhubungan sekolah (PPS) dalam usaha mencegah salah laku murid termasuk perlakuan yang menyalahi undang-undang.

Difahamkan, enam organisasi berkenaan melibatkan pengawas sekolah, pengawas pusat sumber, pengawas kokurikulum, pembantu rakan sebaya, bridget bestari serta badan dakwah dan kerohanian (Badar).

Guru Besar sekolah tersebut, Nor Aizah Ismail berkata, program seperti itu amat baik

diterapkan di setiap sekolah kerana ia dapat membantu menjaga disiplin serta membentuk sahsiah murid.

"Dengan kerjasama pihak polis juga, tingkah laku murid akan lebih terkawal selain dapat menarik minat mereka untuk datang ke sekolah.

"Polis angkat akan berkunjung ke sekolah sebanyak dua kali sebulan bagi memantau disiplin murid sekaligus mencegah kelakuan yang mendorong ke arah jenayah," katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Hadir sama Pegawai Penyiasat Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Ibu Pejabat Polis Putrajaya, Inspektor Mohamad Khirul Anuar Ahamad yang merupakan polis angkat sekolah terbabit.

Nor Aizah berkata, tindakan pihak polis menerapkan unsur disiplin dapat diserap oleh murid-murid yang dilantik menjadi pengawas.

"Sebagai pengawas yang mewakili organisasi kepimpinan sekolah, mereka seharusnya menjadi contoh ikutan dan menunjukkan sahsiah serta jati diri terpuji," katanya.

Sementara itu, guru penyelaras, Mohd. Hafiz Nordin (gambar kecil) pula berkata, program tersebut dapat mela-



MOHD HAFIZ



NOR AIZAH (empat dari kanan) dan Mohamad Khirul Anuar (empat dari kiri) bergambar pada Program Permuafakatan Kementerian Pendidikan Bersama PDRM: Jom Ke Sekolah di SK Putrajaya Presint 9(2) baru-baru ini. Gambar: NAZIRUL ROSELAN

hirkan insan yang berdedikasi dan telus serta memenuhi cita rasa kepimpinan yang holistik.

"Kita mahu mendidik mereka menjadi seorang insan yang mampu menguruskan organisasi, telus dan berdedikasi serta memenuhi cita rasa sebagai seorang pemimpin yang holistik," uj

arnya.

Mohd. Hafiz memberitahu, pihak sekolah menyediakan pelbagai program tambahan untuk barisan pengawas tersebut supaya objektif utama tercapai sekali gus mempersiapkan mereka menghadapi cabaran pada masa hadapan.